

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

Kes jangkitan saluran pernafasan di Johor naik

Peningkatan lebih dua kali ganda, sebahagian besar kluster di institusi pendidikan

Oleh Mohamad Fahd Rahmat
bhnews@bh.com.my

Kluang: Kes jangkitan saluran pernafasan di negeri meningkat lebih dua kali ganda dengan 1,188 kes direkodkan sepanjang minggu ke-26 tahun ini, iaitu antara 27 Jun hingga semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon, berkata Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Johor melaporkan peningkatan itu 2.1 kali ganda bagi tempoh itu ber-

banding hanya 574 kes pada tempoh sama tahun lalu.

Katanya, wabak jangkitan berkenaan itu membabitkan penyakit seperti Influenza (ILI) dan jangkitan saluran pernafasan atas (URTI) dengan kebanyakan kluster dilaporkan membabitkan institusi pendidikan, iaitu 91.7 peratus.

"Bilangan kluster wabak saluran pernafasan yang dilaporkan juga menunjukkan peningkatan, iaitu sebanyak 12 kluster dilaporkan sehingga minggu ke-26 tahun ini berbanding lapan kluster pada tempoh sama pada 2021.

"Secara amnya, kes ILI dan URTI adalah jangkitan biasa yang berlaku tanpa musim di Malaysia sepanjang tahun dan hanya memerlukan pemantauan dan pengasingan diri.

"Pemantauan dijalankan JKN Johor terhadap jangkitan ILI dan URTI mendapati situasi masih terkawal, walaupun terdapat beberapa kluster membabitkan sekolah berasrama dikesan," ka-



Tian Soon melancarkan MyChampion Peringkat Johor 2022 di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Kluang, semalam. (Foto Mohamad Fahd Rahmat/BH)

tanya ketika sidang media selepas program Majlis Pelancaran MyChampion Peringkat Negeri Johor 2022 di Dewan Tunku Ibrahim Ismail di sini, semalam.

Yang turut hadir Pengarah Kesihatan Johor, Datuk Dr Aman Rabu.

Dalam pada itu, Tian Soon menasihatkan orang ramai mengambil langkah pencegahan sewajarnya bagi membendung wabak berkenaan.

"Amalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau cecair pembersih tangan, menutup mulut dan hidung apabila batuk atau bersin, sama ada dengan meng-

gunakan tisu atau pelitup mulut dan hidung.

"Jarakkan diri daripada individu bergejala, sekurang-kurangnya dalam jarak satu meter dan elakkan mengunjungi tempat tumpuan ramai jika bergejala," katanya.

Beliau berkata, orang ramai juga digalakkan mendapatkan pelalihan vaksinasi influenza di fasiliti kesihatan swasta dan JKN Johor akan terus memantau situasi dan trend kejadian ILI dan URTI di Johor.

"JKN Johor juga akan bekerjasama dengan pihak berkaitan bagi memastikan langkah kawalan dan pencegahan dijalankan dengan sewajarnya," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

TH sedia khidmat pergigian demi kesihatan jemaah Malaysia

Makkah: Demi memastikan jemaah Malaysia sihat dari pelbagai sudut, Lembaga Tabung Haji (TH) bukan sahaja menyediakan perkhidmatan kesihatan awam, sakit puan dan penjagaan rohani tetapi juga pergigian.

Bertempat di Pusat Kesihatan TH Syisyah di sini, klinik rawatan itu menyediakan kelengkapan peralatan sepertimana di tanah air dengan tenaga pakar dan ubat-ubatan.

Dr Norhayati Abas, 40, berkata meskipun peranan mulut dan gigi dilihat kecil sahaja dalam melaksanakan ibadah tetapi jemaah pas-



Kita memberi fokus fungsi gigi untuk jemaah haji beribadah dengan baik tanpa rasa sakit dalam mulut. Yang penting...mulut sihat, ibadah mantap"

Dr Norhayati

tinya tidak dapat mengerjakan haji dengan sempurna jika mengalami sakit gigi dalam tempoh yang panjang.

"Merawat pesakit di Tanah Suci ini tidak ada perbezaan yang ketara berbanding di tanah air. Kita akan beri perkhidmatan terbaik dari segi perkhidmatan tampalan dan pembersihan karang gigi.

"Kita juga akan memberi fokus kepada kembalikan fungsi gigi untuk jemaah haji beribadah dengan baik tanpa rasa sakit dalam mulut. Yang penting...mulut sihat, ibadah mantap," katanya yang merupakan pakar pergigian dan periodontik di Klinik Pergigian Paya Besar, Kuantan.

Dr Norhayati yang berpejuang berkhidmat di Makkah

buat kali pertama turut dibantu seorang jururawat dan seorang pembantu pembedahan dan mereka akan bertugas setiap hari.

Katanya, rata-rata jemaah yang menerima rawatan mengalami bengkak gusi, tampalan pecah dan gigi berlubang, berkemungkinan kesan daripada pemakanan yang tidak sama sepertimana di tanah air.

"Mulut bukan sekadar untuk makan dan kita perlu tahu makanan yang sihat dan mencukupi penting untuk memberi tenaga kepada jemaah.

"Tetapi jangan lupa baha-

wa sebutan dalam solat juga turut penting dan kalau gigi longgar macam mana nak sebut dengan betul," katanya.

Tambah beliau, walaupun bilangan jemaah tahun ini hanya seramai 14,306 orang tetapi perkhidmatan mereka tetap akan berjalan sepertimana tahun sebelum ini malah pihaknya menambah baik kelengkapan dan peralatan semakin canggih.

"Jemaah haji tahun ini ada yang muda, pertengahan umur dan bawah 65 tahun. Jadi saya jangkakan mereka ada gigi yang agak baik berbanding sebelum ini yang

lebih ramai warga emas yang mengalami masalah gigi longgar.

"Kali ini kita jangka ada masalah gigi berlubang, tampalan bermasalah dan ada yang memakai pendakap gigi. Jika berlaku kerosakan pada pendakap gigi ia boleh menjejaskan kesihatan. Besi pada pendakap gigi boleh mencucuk bibir dan lidah, ia perlukan doktor gigi untuk merawat," katanya.

Klinik pergigian mula beroperasi di Makkah bermula 2014 dan ia sentiasa mendapat sambutan dari jemaah haji sehingga berakhir musim haji.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 17
 RUANGAN : NEGARA

Penantian selama 12 tahun 150,000 penduduk berakhir pada 1 Julai lalu

Hospital Bera sudah mula beroperasi

Oleh AZIZAH SHAFIEI

BERA – Penantian selama 12 tahun kira-kira 150,000 penduduk di daerah ini berakhir apabila Hospital Bera sudah mula beroperasi secara rasmi pada 1 Julai lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Seri Norolazali Sulaiman berkata, pengoperasian Hospital Bera dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan fasa satu yang melibatkan pembukaan unit kecemasan dan trauma yang beroperasi 24 jam sehari.

"Kelmarin (1 Julai) Hospital Bera mula dibuka kepada orang ramai tetapi pembukaan adalah secara berperingkat dengan fasa satu iaitu unit kecemasan dan trauma mula beroperasi.

"Semua kes kecemasan boleh dirujuk di sini, namun bergantung kepada kes tertentu kerana bagi kes kritikal, pihak Hospital Bera masih perlu merujuk kepada Hospital Sultan Haji Ahmad



NOROLAZALI (kanan) semasa melawat Hospital Bera yang mula beroperasi sejak 1 Julai lalu.

Shah (Hoshas) Temerloh untuk tindakan susulan," katanya sem-

pena lawatan kerja ke Hospital Bera, di sini semalam.

Norolazali berkata, bagi fasa berikutnya, klinik pakar dijadual

memulakan operasi pada September ini dengan kehadiran pakar dari Hoshas bagi mengikut jadual klinik untuk memberi rawatan kepada pesakit.

Dalam pada itu, beliau berkata, wad dan dewan bersalin dijadual dibuka secara berperingkat pada Oktober ini, manakala unit hemodialisis dijadual beroperasi pada April tahun hadapan.

"Bagaimanapun, fasa pengoperasian ini adalah bergantung sepenuhnya kepada pengisian anggota dan juga peralatan yang diterima," ujarnya.


Hospital Bera yang bernilai RM88 juta mula dibina pada Oktober 2010, namun tertangguh berikutan kontraktor yang dilantik gagal menyiapkannya mengikut jadual.

Difahamkan, pembinaan hospital itu kemudiannya diserahkan kepada kontraktor kedua pada 2012 yang sepatutnya disiapkan pada 2015, namun ia masih gagal sehinggalah pembinaannya diambil alih kontraktor ketiga pada 5 Januari tahun lalu.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION



Sabah Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor (fifth from left) at the 7th Sabah FCAS International Dragon Boat Race 2022 at Likas Bay in Sabah, yesterday. PIC BY OLIVIA MIWIL

'USE THE PROPER CHANNELS'

HOSPITAL COMPLAINT CENTRES REOPENED

Sabah Health Department action comes after social media backlash

OLIVIA MIWIL
KOTA KINABALU
news@nst.com.my

THE Sabah Health Department will reactivate customer complaint centres in all its hospitals.

Health director Datuk Dr Rose Nani Mudin said the centres were operational before the Covid-19 pandemic struck.

She advised members of the public to use proper channels to voice complaints.

"If they voice out their grouses

only on social media, we won't be able to get the full details.

"Through the hotline, we can obtain the necessary information, who was involved, when and at what time.

"(With this information), we can take immediate action."

Dr Rose said this after attending the 7th Sabah FCAS International Dragon Boat Race 2022 at Likas Bay here, yesterday.

The complaint channels, she said, were among the improvements already made by Sabah Women and Children's Hospital in Likas.

The hospital was in the spotlight last month when a social

media user uploaded a post which alleged that a pregnant family member had suffered a stillbirth due to medical negligence.

The post drew mixed reactions from the public and led to threats against the facility's healthcare staff.

Commenting on the incident, Dr Rose said an internal inquiry had been launched and that there was a shortfall in staffing at the hospital.

She added that despite handling an average of 200 deliveries daily, the hospital was still providing its best service.

The department, she said, would also look into providing midwifery specialisation training for their workers to address the staff shortage.



Datuk Dr Rose Nani Mudin

SELANGOR TOPS THE LIST

2,527 new Covid-19 infections recorded on Saturday

KUALA LUMPUR: Daily Covid-19 cases continue to hover above 2,000 with 2,527 new infections reported on Saturday.

Selangor had the highest number of cases at 798, followed by Kuala Lumpur with

726. This took the country's cumulative caseload since the pandemic began to 4,571,355.

There are 30,385 active cases nationwide, with 28,701 in home quarantine, 24 at quarantine and treatment centres

and 1,617 hospitalised, 43 of which are in intensive care units.

Melaka, Terengganu, Kedah, Johor, Sarawak, Perlis, Selangor, Pahang, Negri Sembilan and Kelantan all recorded hos-

pital bed utilisation rates of above 70 per cent.

Saturday's 2,359 recoveries raised the tally to 4,505,199. No new Covid-19 deaths were reported.

Authorities have adminis-

tered 71,258,983 doses of vaccine so far, including 16,145,763 booster shots.

A total of 1,747,444 children have taken at least one dose of the vaccine and 1,358,223 have received the full dose.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Parents await Covid-19 vaccines for kids under five

By **FATIMAH ZAINAL**
fatimah@thestar.com.my

PETALING JAYA: Parents of children aged under five years are waiting for Covid-19 vaccines to be made available for this age group here.

This is after the United States became the first country to approve the Pfizer and Moderna Covid-19 vaccines last month for children as young as six months to five years old.

Analyst Ali Haydar, 37, said he would probably be the first parent in Malaysia to sign up his four-year-old daughter once the vaccine became available.

"In fact, I'm for it, almost urgently," said Ali, who nonetheless called on the government to share as much information as possible about any adverse effects following vaccination for this group of recipients in order to allay any fears.

Another parent, M. Malar, 35, is also ready to register her three-year-old son for the vaccine as her six-year-old son, who had been vaccinated earlier this year, did not experience any negative side effects.

"In fact, my six-year-old child hasn't caught Covid-19, so I'm convinced that the vaccine is doing its job.

"Actually, it's also a good sign that the Covid-19 vaccine for children under five took such a long time to be ready.

"It means that they wanted to make sure it's truly safe," said Malar, a physician who believes in evidence-based medicine.

Public relations specialist Farah Yaakob, 30, is also keen to have her two-year-old daughter vaccinated against Covid-19 as her toddler

"I will support Covid-19 shots for my daughter as vaccination prevents severe infections and hospitalisations."

Farah Yaakob

is attending daycare.

"I will support Covid-19 shots for my daughter as vaccination prevents severe infections and hospitalisations.

"Getting vaccinated is the best way to keep my daughter and her friends healthy and thriving.

"My nephews, who are under 12, have been vaccinated and are very healthy," said Farah, who hoped the government would do its best to start this child vaccination programme for Covid-19.

"There will be a lot of anxiety among parents because it involves such young kids, so the government has to address this matter," she added.

Consultant paediatrician Datuk Dr Amar Singh HSS said available data and science had shown that while the chances of dying from Covid-19 for young children was small, there was a significant risk of getting multisystem inflammatory syndrome in children (MIS-C)

and Long Covid.

According to the US Centers for Disease Control and Prevention, while it is still unknown what causes MIS-C – a condition where different body parts can become inflamed, including the heart, lungs, kidneys, brain, skin, eyes and gastrointestinal organs – what is known is that many children with MIS-C contracted the virus that causes Covid-19, or were around someone with Covid-19.

"Vaccination against Covid-19 will significantly reduce the risk of death, hospitalisation and MIS-C in children.

"However, it is uncertain if vaccination can significantly reduce the risk of Long Covid. A recent study suggested that vaccination could decrease the risk by only 15%.

"Parents need to weigh the risk and benefits of vaccinating young children with current data, both local and international, showing low rates of serious side effects from these vaccines," said Dr Amar.

He added that as a minimum, vaccination consideration should be given to children facing the most risk of developing severe illnesses from Covid-19.

"These are children with disabilities, are immunocompromised or have chronic medical problems such as comorbidities like congenital heart disease, diabetes or chronic lung disease," he said.

Dr Amar added that parents of children aged five to 11 years should vaccinate their at-risk children.

He said broad vaccination must also be accompanied by continued mask wearing, improved indoor ventilation and avoidance of crowded locations.